

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 4/2015)**

TARIKH : **1 Disember 2015 (Selasa)**
TEMPAT : **Grand Seasons Hotel, Kuala Lumpur**
JAM : **9.00 pg hingga 11.00 pagi**

AGENDA:

1. Kata Aluan Pengerusi Mesyuarat
2. Pengesahan Minit Mesyuarat Yang Lepas
3. Makluman Status Tindakan Berbangkit
4. Laporan Program Pembudayaan Ilmu Tahunan JKR oleh Pn Samsul Khamariah Hamzah, Pengurus Pengetahuan Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat
5. Laporan Status Aktiviti ECKM 2015 oleh Sr. Roznita Othman
6. Taklimat Kerangka Strategik JKR (2016 – 2020) Scorecard Tema 1 berkaitan Inisiatif Pengurusan Pengetahuan oleh Sr. Roznita Othman
7. Taklimat Agenda Pengurusan Pengetahuan (2016 – 2020) oleh Sr. Roznita Othman
8. Laporan Status CoP (Januari – Disember 2015) oleh En. Khairil Hizar Md Khuzaimah
9. Taklimat Knowledge Management Enablers oleh En. Khairil Hizar Md Khuzaimah
10. Penutup

KEHADIRAN:

A. IBU PEJABAT

Bil	Nama Pegawai	Cawangan
1.	Ir. Ramli Mohdi Yusoff (Pengerusi)	Caw. Perancangan Aset Bersepadu
2.	Sr. Roznita Othman	Caw. Perancangan Aset Bersepadu
3.	Ir. Dr. Hannerita Mohamad Zainal	Caw. Perancangan Aset Bersepadu
4.	Hj. Mohammad Isa Hussain	Caw. Arkitek
5.	Ir. Wan Abdul Rahman Wan Hassan	Caw. Jalan
6.	Sr. Zawiyah @ Zalina Mat Zain	Caw. Kontrak dan Ukur Bahan
7.	Pn. Arbaah Abu	Caw. Kejuruteraan Mekanikal
8.	Pn. Lilywati Manap	Caw. Kerja Kesihatan
9.	Pn. Nor Hayati Yahya	Caw. Kerja Bangunan Am 1
10.	Pn. Samsul Khamariah Hamzah	Caw. Dasar dan Pengurusan Korporat
11.	Ir. Maznah Ahmad	Caw. Senggara Fasiliti Bangunan
12.	En. Ahmad Khairil Shahibi	Caw. Kejuruteraan Cerun

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 4/2015)**

13.	Pn. Nurul Huda Abdul Hadi	Caw. Kejuruteraan Elektrik
14.	En. Hasrul Mat Khatib	Caw. Senggara Fasiliti Jalan
15.	En. Meor Ridzwan Ismail	Caw. Kerja Keselamatan
16.	En. Muhammad Faiz Akmal Johari	Caw. Perancangan Aset Bersepadu
17.	En. Khairil Hizar Md Khuzaimah (Urusetia)	Caw. Perancangan Aset Bersepadu

B. JKR NEGERI

Bil	Nama Pegawai	JKR Negeri
18.	Ir. Suhaili Mansor	JKR Terengganu
19.	Pn. Sharifah Nor Aeiriza Syed Sharom	JKR Pulau Pinang
20.	En. Abdul Rani Harun	JKR Perak
21.	En. Razman Md Darus	JKR Negeri Sembilan
22.	Pn. Kueh Hiong Mui	JKR Melaka
23.	En. Ku Joo Han	JKR Wilayah Persekutuan Putrajaya
24.	Pn. Siti Maisarah Nahwari	JKR Selangor
25.	En. Mohd Rozi Awang	JKR Kesedaran

PERBINCANGAN MESYUARAT

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
1.0	<u>Kata Aluan Pengerusi Mesyuarat</u>	
1.1	Ir. Ramli Mohd Yusoff, selaku Pengerusi Mesyuarat mengucapkan selamat datang dan terima kasih kepada semua kerana dapat hadir ke mesyuarat ini.	Makluman
1.2	Pengerusi menekankan mengenai kepentingan bagi semua pihak di JKR untuk menguruskan maklumat dan ilmu pengetahuan yang terdapat di Jabatan dengan lebih sistematik dan komprehensif terutamanya yang melibatkan <i>tacit knowledge</i> . Menurut beliau, meskipun terdapat beberapa kekangan di dalam melaksanakan inisiatif pengurusan pengetahuan di JKR, namun usaha untuk melaksanakan pengurusan pengetahuan mesti dilakukan secara berterusan pada setiap masa.	Makluman

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 4/2015)**

<p>1.3</p>	<p>Sr. Roznita Othman memaklumkan Mesyuarat JKPPPI Bil. 3/2015 yang telah diadakan 15 September 2015 di Le Grandeur Palm Resort, Johor telah berlangsung dengan jayanya.</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan pelbagai aktiviti telah diadakan termasuk taklimat program pembudayaan ilmu daripada Cawangan Arkitek dan JKR Johor, sesi Knowledge Café, aktiviti berkaitan Pengurusan Pengetahuan seperti Wiki Game, K-Seeker, Ken-Ken Puzzle dan K-Worker serta sesi K-Explore ke Nusa Jaya.</p>	<p>Makluman</p>
<p>2.0</p> <p><u>Pengesahan Minit Mesyuarat Yang Lepas</u></p> <p>2.1</p>	<p>Mesyuarat sebulat suara menerima dan mengesahkan Minit Mesyuarat JKPPPI Bil 3/2015 tanpa sebarang pindaan.</p>	<p>Makluman</p>
<p>3.0</p> <p><u>Makluman Status Tindakan Berbangkit</u></p> <p>3.1</p> <p>3.2</p>	<p>Sr. Roznita Othman memohon kerjasama Pengurus Pengetahuan untuk memaklumkan kepada pihak Urusetia sekiranya terdapat sebarang pertukaran Pengurus Pengetahuan atau wakil ganti di pejabat masing-masing. Ini bagi memastikan kelangsungan inisiatif Pengurusan Pengetahuan di Jabatan Kerja Raya.</p> <p>Pengerusi memohon Pengurus Pengetahuan untuk merangka program yang bersesuaian seperti sesi taklimat kepada pegawai yang baru melaporkan diri di pejabat masing-masing bagi memastikan mereka mengambil maklum mengenai dokumen berkaitan termasuk prosedur yang berkaitan.</p> <p>Pn Arbaah Abu, Pengurus Pengetahuan Cawangan Kerja Mekanikal dan Sr. Zawiyah @ Zalina Mat Zain, Pengurus Pengetahuan Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan telah berkongsi maklumat secara ringkas mengenai program latihan yang telah diadakan kepada pegawai yang baru bertugas atau bertukar masuk ke pejabat masing-masing.</p> <p>Sr. Roznita Othman seterusnya mencadangkan agar Pengurus Pengetahuan untuk menjalinkan kerjasama dengan Pegawai Pembangunan Kompetensi & Prestasi (PPKL) di pejabat masing-masing bagi merangka program ini.</p>	<p>Pengurus Pengetahuan</p> <p>Pengurus Pengetahuan</p> <p>Makluman</p> <p>Pengurus Pengetahuan</p>

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 4/2015)**

3.3	<p>Sr. Roznita Othman memohon kerjasama daripada semua Pengurus Pengetahuan yang masih belum menghantar Laporan Pembudayaan Ilmu JKR 2015 (Januari - Disember) kepada pihak Urusetia agar dapat berbuat demikian dengan kadar segera.</p>	Pengurus Pengetahuan
3.4	<p>Pengerusi memohon kerjasama Pengurus Pengetahuan untuk mempromosikan penggunaan JPedia dan JCoP di pejabat masing-masing dari semasa ke semasa.</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan Cawangan Kejuruteraan Elektrik (CKE) telah mengambil inisiatif untuk mengadakan program <i>roadshow ECKM</i> bagi memberi penerangan mengenai JPedia dan JCoP ke pejabat CKE di Semenanjung Malaysia (mengikut kawasan utara, selatan, tengah dan timur).</p> <p>Ir. Dr. Hannerita Mohd Zainal, Pengurus Pengetahuan Cawangan Perancangan Aset Bersepadu (CPAB) memaklumkan beliau telah menghantar emel kepada warga CPAB dari semasa ke semasa untuk mempromosikan dan menggalakkan penggunaan JPedia dan JCoP.</p>	Pengurus Pengetahuan Makluman Makluman
3.5	Mesyuarat dimaklumkan pihak Urusetia sedang di dalam proses untuk mendokumentkan penemuan dan ulasan bagi projek-projek yang memenangi Anugerah JKR. Langkah yang akan diambil termasuk mengadakan sesi temubual bersama pasukan projek yang terlibat.	Sekretariat
3.6	Mesyuarat dimaklumkan susulan daripada permohonan daripada pihak Urusetia kepada pihak Bahagian Teknologi Maklumat (BTM), CDPK untuk mendapatkan dapatkan alamat emel: eckm@jkr.gov.my , pihak BTM mencadangkan agar emel cpab@jkr.gov.my digunakan. Ini memandangkan setiap cawangan hanya diperuntukkan dengan satu emel sahaja.	Makluman
3.7	Mesyuarat dimaklumkan pihak Urusetia sedang mengadakan perbincangan dengan Unit Perpustakan & Sumber, CDPK untuk mewujudkan pusat sumber/perpustakaan mini di lobi Ibu Pejabat JKR, Blok F dan Menara PJD.	Sekretariat Unit Perpustakaan & Sumber, CDPK
3.8	Mesyuarat dimaklumkan di dalam Kerangka Strategik JKR 2016 – 2020, Lessons Learned telah dikenalpasti sebagai salah satu <i>Key Performance Indicator</i> (KPI) yang bagi pejabat yang terlibat dengan pelaksanaan projek.	Pengurus Pengetahuan Sekretariat

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 4/2015)**

	(samb.) Sehubungan itu, Pengurus Pengetahuan bagi pejabat yang terlibat dipohon untuk menghubungi pihak Urusetia bagi khidmat nasihat dan mudahcara mengenai penyediaan laporan Lessons Learned.	
4.0 4.1	<p><u>Laporan Program Pembudayaan Ilmu Tahunan JKR</u></p> <p>Pn. Samsul Khamariah Hamzah, Pengurus Pengetahuan CDPK telah membentangkan laporan berkenaan Program Minda @ JKR 2015 yang telah diadakan pada 20 – 21 Oktober 2015 di Dewan Tan Sri Mahfoz Khalid.</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan di antara aktiviti yang telah dijalankan termasuklah sesi Bual Bicara “Trend Penulisan dan Pembacaan Media Sosial” dan “Dari Kertas ke Layar Perak”. Di samping itu, sesi Perkongsian Ilmu “Baca Pantas, Ilmu Tuntas”, “Dari Minda ke Alam Siber” dan “Melayari Dunia Ilmu Bersama Keluarga”, penganugerahan kepada ahli JCoP yang paling aktif dan peminjam bahan bacaan terbanyak turut dijalankan.</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan seramai 695 peserta telah menghadiri program ini dan hasil daripada maklumbalas yang diterima menunjukkan program ini memberi banyak manfaat kepada kakitangan JKR dan perlu dilaksanakan secara berterusan.</p> <p>Pengerusi mencadangkan agar nama Persada Minda dikekalkan untuk penganjuran program Program Pembudayaan Ilmu Tahunan JKR yang akan datang</p>	Makluman
5.0 5.1	<p><u>Laporan Status Aktiviti ECKM 2015</u></p> <p>Sr. Roznita Othman telah membentangkan laporan Status Aktiviti ECKM yang telah dijalankan sepanjang tahun 2015. Mesyuarat dimaklumkan di antara aktiviti yang telah dijalankan termasuklah program roadshow ECKM, bengkel JPedia dan JCoP serta lawatan daripada agensi luar seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) ke Unit ECKM, JKR.</p>	Makluman

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 4/2015)**

<p>6.0</p> <p><u>Taklimat Kerangka Strategik JKR (2016 – 2020) Scorecard Tema 1 berkaitan Inisiatif Pengurusan Pengetahuan</u></p>		
<p>6.1</p> <p>Sr. Roznita Othman seterusnya telah membentangkan taklimat Kerangka Strategik JKR (2016 – 2020) Scorecard Tema 1 yang berkaitan dengan inisiatif Pengurusan Pengetahuan.</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan di bawah Tema 1, sub-tema T1.3 Develop PM Competency – Information Capital, KPI bagi KPKR dan TKPKR adalah 5% kenaikan dari segi <i>posting</i> di dalam JCoP. Di samping itu, KPI bagi Pengarah Cawangan (Bangunan & Infra) di bawah sub-tema T1.3 termasuk penghasilan dua dokumen lessons learned pada setiap tahun.</p> <p>Sehubungan itu, semua Pengurus Pengetahuan perlulah memberi perhatian mengenai perkara ini bagi memastikan KPI yang telah ditetapkan dapat dicapai dengan jayanya. Pengurus Pengetahuan boleh menghubungi pihak Urusetia untuk mendapatkan khidmat nasihat dan mudahcara mengenai penyediaan laporan Lessons Learned.</p> <p>6.2 Mesyuarat dimaklumkan bahawa ISO 9000:2015 yang bakal menggantikan ISO 9000:2008 mengandungi klausa mengenai pengurusan pengetahuan di sesebuah organisasi. Maklumat lanjut mengenainya akan dimaklumkan oleh pihak Urusetia dari semasa ke semasa.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Pengurus Pengetahuan</p> <p>Sekretariat</p> <p>Makluman</p>	
<p>7.0</p> <p><u>Taklimat Agenda Pengurusan Pengetahuan (2016 – 2020)</u></p>		
<p>7.1</p> <p>Sr. Roznita Othman telah membentangkan agenda inisiatif Pengurusan Pengetahuan di JKR bagi tahun 2016 - 2020.</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan sehingga kini terdapat tujuh aktiviti utama yang telah dilaksanakan di bawah inisiatif Pengurusan Pengetahuan di JKR iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) JPedia b) Communities of Practice c) JCoP d) Project Lessons Learned e) Knowledge Café and Exit Interviews f) JKR Yellow Pages g) E-Learning <p>Mesyuarat dimaklumkan di antara aktiviti yang dirancang untuk dilaksanakan di masa hadapan termasuklah Knowledge Audit, Knowledge Taxonomy dan Knowledge Management Maturity.</p>	<p>Makluman</p>	

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 4/2015)**

8.0 <u>Laporan Status CoP 2015</u>	<p>8.1 En. Khairil Hizar Md Khuzaimah telah membentangkan laporan status JCoP terkini (Januari - November 2015).</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan sehingga 30 November 2015, pengguna berdaftar JCoP adalah seramai 1,049 orang. Sebanyak 3,296 posts telah direkodkan manakala page views JCoP adalah sebanyak 114,695.</p>	Makluman
9.0 <u>Taklimat Knowledge Management Ecosystem</u>	<p>9.1 Susulan daripada sesi Knowledge Café yang telah diadakan semasa Mesyuarat JKPPPI Bil. 3/2015, En. Khairil Hizar Md Khuzaimah telah membentangkan taklimat berkaitan dengan Knowledge Management Ecosystem yang antara lain menekankan mengenai kepentinganenam elemen utama di dalam pembangunan dan pelaksanaan inisiatif Pengurusan Pengetahuan iaitu <i>Strategy and Governance, Community, Learning, Innovation, Information Technology</i> dan <i>Common Shared Values</i>.</p>	Makluman
10.0 <u>Penutup</u>	<p>10.1 Pengurus mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan juga maklumbalas yang telah diberikan. Mesyuarat ditangguhkan kepada tarikh yang akan diberitahu kelak.</p>	

Disediakan oleh:

KHAIRIL HIZAR MD KHUZAIMAH
Penolong Pengarah Kanan
Unit ECKM
Caw. Perancangan Aset Bersepadu

Disemak oleh:

Sr ROZNITA OTHMAN
Ketua Unit ECKM
Caw. Perancangan Aset Bersepadu